



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KENYATAAN MEDIA
YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

MENGENAI ISU PENEMPATAN HARAM DAN PENCEROBOHAN
DI BUKIT MALUT, LANGKAWI, KEDAH

28 JULAI 2020

1. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) merujuk kepada dua (2) artikel yang telah disiarkan dalam portal Utusan Malaysia bertarikh 22 Julai 2020 bertajuk '**Bukit Malut Harus Dibersihkan**' dan laporan The Sun Daily bertajuk '***Bukit Malut, Langkawi Issue: KeTSA to Get Detailed Report***' pada 26 Julai 2020.
2. Pihak Kementerian ingin mengesahkan bahawa memang terdapat Hutan Simpan Bukit Malut di Langkawi di mana hutan simpan dengan keluasan 1,208 hektar ini telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) oleh Kerajaan Negeri Kedah pada 30 Julai 1953. Hutan ini merupakan kawasan Hutan Perlindungan yang dikelaskan sebagai Hutan Tadahan Air.
3. Namun begitu, semakan di lapangan mendapati kawasan penempatan haram yang dilaporkan oleh akhbar sebenarnya bukan terletak dalam rezab hutan paya bakau atau Hutan Simpan Bukit Malut tetapi sebaliknya penempatan tersebut terletak dalam tanah kerajaan yang telah diberi hak milik sementara oleh Kerajaan Negeri

Kedah kepada Permodalan Kedah Berhad dengan tempoh pajakan selama 99 tahun.

4. Pihak Kementerian difahamkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah maklum atas perkara ini dan usaha-usaha sedang diambil oleh Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Jabatan/Agensi yang berkaitan, termasuklah dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memindahkan penduduk yang tinggal secara haram di kawasan tersebut ke kawasan baharu.
5. Pihak Kementerian juga ingin memaklumkan bahawa status terkini pemeliharaan Hutan Simpan Bukit Malut masih dalam keadaan terkawal walaupun terdapat sedikit kesan pencerobohan untuk pemilikan tanah. Dalam hubungan ini, Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah akan sentiasa membuat pemantauan di kawasan berkenaan bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan baharu dan tindakan tegas mengikut kuasa yang diperuntukkan dalam Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*] akan diambil terhadap penceroboh.
6. Dalam hubungan ini, saya ingin menyeru kepada orang ramai agar menyalurkan sebarang maklumat kesalahan hutan atau pencerobohan hutan kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia menerusi talian Hotline 1-800-88-5776 untuk diambil tindakan lanjut.

YB DATO' DR. SHAMSUL ANUAR HAJI NASARAH
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

28 JULAI 2020